



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 14 TAHUN 2009

KEMUDAHAN CUTI KURSUS SAMBILAN (CKS) KEPADA PEGAWAI YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SAMBILAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DALAM NEGARA.

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan jabatan / agensi Kerajaan mengenai kemudahan cuti kursus sambilan (cks) kepada pegawai yang mengikuti pengajian secara sambilan di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

2. TAKRIF

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka:

- 2.1 "Ketua Jabatan" bermakna Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang

2.2 **"Kerajaan, Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa"** mana yang berkenaan artinya Lembaga Pertubuhan Peladang.

2.3 **"Pegawai"**

Bermakna penjawat Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik secara tetap atau sementara atau kontrak ke dalam mana-mana skim perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang tetapi tidak termasuk mana-mana pekerja yang dilantik secara sambilan.

3. **KEPUTUSAN**

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerimapiakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 2009 mengenai kemudahan cuti kursus sambilan (CKS) kepada pegawai yang mengikuli pengajian secara sambilan di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara dengan terbatalnya Surat Edaran JPA(L)S.4.08/3 Klt.3 bertarikh 17 September 1997.


4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh lanya dikeluarkan.

LPP(A)5/10 Jld. 10/ ()

Sekian, Terima Kasih,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(MARIAM DHAS BINTI YAACOB)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

12 Jun 2009

Erfaran kepada:

- Timbalan Ketua Pengarah
- Pengarah Bahagian
- Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang